

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI  
KAMARUDDIN [AMPANG]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [AMPANG] minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah, 40 peratus menengah dan 20 peratus tertinggi berdasarkan sumber terkini Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (PPPIR).**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan sumber terkini Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (PPPIR) 2014, statistik terpilih bagi kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (isi rumah B40), kumpulan isi rumah 40 peratus pertengahan (isi rumah M40) dan kumpulan isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi (isi rumah T20) adalah seperti berikut:

	Isi Rumah B40	Isi Rumah M40	Isi Rumah T20
<b>Taburan isi rumah ('000)</b>	<b>2,671.0</b>	<b>2,670.5</b>	<b>1,335.4</b>
Bandar	1,684.3	2,218.4	1,233.9
Luar Bandar	986.7	452.0	101.5
<b>Etnik ('000)</b>			
Bumiputera	1,966.1	1,713.6	718.6
Cina	467.5	705.9	494.8
India	227.6	242.9	117.5
Lain-lain	9.7	8.1	4.5
<b>Pendapatan bulanan</b>			
Purata	RM2,537	RM5,662	RM14,305
Penengah	RM2,629	RM5,465	RM11,610
<b>Tahap pendidikan</b>			
SPM	36.4%	43.7%	25.2%
Diploma/Sijil	5.3%	15.9%	19.8%
Ijazah/Diploma lanjutan	1.4%	9.3%	40.2%

	Isi Rumah B40	Isi Rumah M40	Isi Rumah T20
<b>Aktiviti pekerjaan</b>			
Majikan	0.8%	3.0%	8.1%
Pekerja Kerajaan	8.1%	17.3%	20.5%
Pekerja swasta	56.9%	59.2%	57.8%
Bekerja sendiri	34.1%	20.5%	13.5%

Sekian. Terima kasih.